

## ■ UiTM menyusahkan ubah cuti tiga kali

U.M - 7/8/06 (ms 12)

PIHAK pengurusan UiTM telah menukar tarikh cuti seminggu pengajian yang pada asalnya 12 - 20 Ogos 2006 kepada 19 - 27 Ogos 2006, kemudian ubah kembali kepada tarikh asal 12 - 20 Ogos 2006 dan selepas itu ubah pula kepada 4 - 10 September 2006.

Harus diingat perkara ini menjadi masalah kepada pelajar Semenanjung yang menuntut sama ada di Sabah atau Sarawak yang ingin pulang bercuti, begitu juga sebaliknya.

Saya yang tinggal di Semenanjung dan anak saya pelajar tahun pertama UiTM Kuching sangat terkilang kerana telah menempah tiket penerbangan awal untuk anak pulang bercuti.

Menurut anak saya, ada ibu bapa telah menukar sebanyak dua kali tiket penerbangan dan mereka terpaksa membayar kos penukaran tiket penerbangan dua hala menghampiri harga asal tiket.

Bedasarkan perubahan terbaru, nampaknya saya terpaksa juga menukar tiket untuk anak saya. Itupun jika tarikh cuti 4 - 10 September 2006 adalah muktamad. Janganlah ubah tarikh cuti sewenang-wenang pada saat akhir kerana ia akan menyusahkan pelajar dan ibu bapa.

- YEOMZ,  
Kajang.